

15/02/2004

`Kakitangan kerajaan utama kepentingan awam'

KUALA LUMPUR: Ketua jabatan diminta menegur kakitangan yang dikenal pasti bertindak di luar batasan perkhidmatan awam, sejajar usaha meningkatkan integriti sektor kerajaan memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat selaku golongan sasaran utama.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, berkata kakitangan kerajaan tidak boleh sekali-kali membelakangkan keutamaan awam untuk kepentingan peribadi, termasuk menggunakan kedudukan untuk memperoleh faedah sendiri.

"Sebagai penjawat awam, kita perlu menghayati makna sebenar di sebalik tanggungjawab diberi. Kakitangan kerajaan perlu sentiasa amanah dan menjaga nilai serta kepentingan awam.

"Penjawat awam tahu tindakan yang boleh diambil jika mereka melakukan perkara di luar tuntutan itu... jika mereka lakukan perbuatan negatif, risikonya pasti ada.

"Jika kita mahu perkhidmatan awam dipandang tinggi, kita perlu menghayati segala nilai yang diperlukan untuk menjadikan sektor kerajaan lebih cemerlang," katanya selepas majlis penganugerahan Fellow Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) 2003 dan Penyampaian Diploma Intan di sini, semalam.

Isteri bekas Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dinamakan sebagai penerima Fellow Intan 2003. Hadir sama, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri dan Pengarah Intan, Datuk Dr Zulkurnain Awang.

Terdahulu ketika berucap, Samsudin menegaskan, faktor paling penting perlu diamalkan oleh semua penjawat awam ialah memberi kesetiaan tidak berbelah bagi kepada negara, Yang di-Pertuan Agong dan kerajaan.

Katanya, sebarang perlakuan yang mencerminkan wujud percanggahan di antara kepentingan peribadi dengan tugas awam juga perlu dijauhi bagi mengelak prasangka di kalangan masyarakat.

"Dalam kerjaya kita, kita akan ditempatkan ke jawatan yang berpengaruh dan membuat keputusan penting yang memberi kesan kepada orang awam, syarikat dan individu.

"Jika kita membiarkan kepentingan peribadi mempengaruhi keputusan itu, sudah tentu kita tidak akan membuat keputusan adil berasaskan kepentingan awam dan perkhidmatan," katanya.